



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENERIMAAN MAKLUMAT TEKNOLOGI PERTANIAN DALAM
KALANGAN PEKEBUN KECIL LADA HITAM DI KAWASAN
PENEMPATAN SEMULA ASAP KOYAN, BELAGA, SARAWAK,
MALAYSIA**

RIBKA ALAN

FBMK 2008 14

**PENERIMAAN MAKLUMAT TEKNOLOGI PERTANIAN DALAM
KALANGAN PEKEBUN KECIL LADA HITAM DI KAWASAN
PENEMPATAN SEMULA ASAP KOYAN, BELAGA, SARAWAK,
MALAYSIA**

RIBKA ALAN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2008



**PENERIMAAN MAKLUMAT TEKNOLOGI PERTANIAN DALAM
KALANGAN PEKEBUN KECIL LADA HITAM DI KAWASAN
PENEMPATAN SEMULA ASAP KOYAN, BELAGA, SARAWAK,
MALAYSIA**

Oleh

RIBKA ALAN

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Sebahagian Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Jun 2008



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENERIMAAN MAKLUMAT TEKNOLOGI PERTANIAN DALAM
KALANGAN PEKEBUN KECIL LADA HITAM DI KAWASAN
PENEMPATAN SEMULA ASAP KOYAN, BELAGA, SARAWAK,
MALAYSIA**

Oleh

RIBKA ALAN

Jun 2008

Pengerusi : Profesor Md. Salleh Hj. Hassan, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Lada hitam (*Piper nigrum* L.) merupakan tanaman komersial pilihan kepada penduduk di Penempatan Semula Asap-Koyan, Belaga sebagai sumber pendapatan mereka kerana mempunyai nilai pasarnya yang tinggi. Namun, penerimaan maklumat teknologi pertanian di kawasan luar bandar adalah terhad kerana kemampuan untuk memiliki alatan komunikasi masih kurang. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengetahui penerimaan maklumat teknologi pertanian di kalangan pekebun kecil lada hitam.

Penerimaan maklumat teknologi pertanian ditentukan dengan menggunakan kekerapan, kesesuaian dan kepentingan sumber maklumat yang diukur dengan menggunakan skala Likert. Pengumpulan data kajian dibuat menggunakan borang soal selidik yang perlu dijawab semasa temubual bersemuka dengan responden.

Seramai 300 orang responden dipilih secara rawak mengikut jenis subsidi untuk mewakili 1,375 pekebun kecil lada hitam yang berdaftar. Data dianalisis menggunakan program ‘Statistical Package for Social Science’ (SPSS) versi 14.00. Hasil kajian dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif dan pekali korelasi Spearman.

Keputusan menunjukkan jenis maklumat yang amat diperlukan oleh responden berhubung dengan teknologi pertanian lada hitam adalah maklumat teknologi dan maklumat input berbanding maklumat pasaran, geografi dan pinjaman. Sumber komunikasi interpersonal pula diterima sebagai sumber maklumat yang sahih berbanding media cetak dan media elektronik kerana maklumat yang diberi oleh pegawai pertanian dianggap lebih tulen, mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi dan dapat dilihat dengan nyata. Kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara penerimaan maklumat dengan ciri-ciri demografi dan keusahawanan. Sebaliknya, hubungan signifikan yang positif dilihat bagi penerimaan maklumat teknologi pertanian dengan keperluan maklumat, kredibiliti sumber maklumat dan perhubungan dengan agen pengembangan.

Kesimpulannya, penerimaan maklumat teknologi pertanian daripada sumber-sumber maklumat menunjukkan petani lebih memilih kepentingan maklumat berbanding kekerapan dan kesesuaian maklumat. Ini jelas menunjukkan bahawa kepentingan maklumat yang diterima memberi idea kepada pembaharuan pengetahuan untuk meningkatkan hasil tanaman dan produk berasaskan pertanian. Sebagai cadangan, bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat pada masa akan datang

diharapkan agar perancangan yang rapi perlu dibuat yang meliputi keperluan petani secara khusus dengan kos yang berpatutan.



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**ACCEPTANCE OF BLACK PEPPER AGRICULTURAL TECHNOLOGY
INFORMATION AMONG THE SMALL HOLDER IN ASAP KOYAN
RESETTLEMENT AREA, BELAGA, SARAWAK, MALAYSIA**

By

RIBKA ALAN

June 2008

Chairman : Professor Md. Salleh Hj. Hassan, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

Black pepper (*Piper nigrum* L.) is a commercial crop selected by villagers in the Resettlement of Asap-Koyan, Belaga as a major source of income due to its high market value. However, the acceptance of the agricultural technology information in the rural area is limited as capabilities to own communication tools are still lacking. Thus, this research was conducted to determine the acceptance of the agricultural technology information among the black pepper small holder.

Acceptance of the agricultural technology information were determined using frequency, suitability and the importance of information measured based on the Likert scale. Data collection was conducted through questionnaire which was answered during a personal interview with the respondent. A total of 300 respondents were selected randomly based on the type of subsidies which represent

the 1,375 registered black pepper small holder. The Statistical Package for Social Science (SPSS) version 14.00 programme was used to analyze the data obtained. Findings were presented in descriptive statistics and Spearman's Rank Correlation.

Results showed that the type of information mostly required by respondents regarding the black pepper agricultural technology were the technology and input information as compared to market, geographical and loan information. Interpersonal communication was accepted as a genuine source of information rather than the printed and electronic media as information provided by the agriculture officer is believed to be more genuine and trustworthy as well as visually credible. The study also showed no significant relationship between acceptance of information and the demographic and entrepreneur characteristics. On the other hand, a positive significant relationship was observed in the acceptance of agricultural technology information and the need of information, credibility of information source and relationship with the extension agents.

In conclusion, the acceptance of agricultural technology information from sources of information showed that farmers preferred the importance of the information rather than the frequency and suitability of the information. This clearly showed that the importance of information obtained provided an idea to knowledge renewal to increase crop yield and agriculture base-products. As a recommendation, in order to increase efficiency of the information delivery in the future, an excellent planning is required which cover the special need of farmers at reasonable cost.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kepada Tuhan kerana dengan memberkati dan melindungi saya sepanjang mengikuti program pengajian saya. Terlebih dahulu saya ucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia tesis ini Profesor Dr. Md. Salleh Hj. Hassan kerana memberi peluang kepada saya untuk belajar bersamanya dan membimbing saya dalam mencapai kesempurnaan dalam penyediaan penulisan tesis ini. Juga kepada Profesor Dr. Musa Abu Hassan yang menjadi penyelia kedua saya, terima kasih atas segala cadangan dan petunjuk dalam memperbaiki kelemahan tesis ini.

Kesempatan ini juga saya ingin ucapkan terima kasih kepada Penolong Pegawai Pertanian daerah Belaga Encik James ak Girum, Penolong Pegawai Tadbir daerah Kecil Asap, Belaga Encik Albania Linus Lukong dan Encik Etos Lutai (Pembantu Pertanian kawasan Asap) atas bantuan menyediakan maklumat penduduk yang banyak membantu saya mencari responden bagi kajian ini. Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada responden dan penduduk kampung atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan yang banyak membantu saya dalam menyiapkan tesis ini terutamanya Aji ak Kasa dan Puan Aziyah bt. Abu Bakar. Akhir sekali, ucapan salam sayang saya kepada suami tercinta Philip Lepun dan anak-anak (Ashton Lenchau, Aimar Abun dan Aldrich Erung) serta kedua-dua ibubapa saya Alan Adau dan Ta'a Erung serta ahli keluarga yang lain yang memberi saya semangat dan inspirasi dalam meneruskan pengajian saya sehingga saya dapat menyiapkan penulisan tesis ini.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Md. Salleh Hj. Hassan, PhD

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Musa Abu Hassan, PhD

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 16 Oktober 2008

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
ISI KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB

I PENDAHULUAN	1
Latarbelakang Kajian	1
Pertanian di Sarawak	3
Kenyataan Masalah	7
Objektif Kajian	10
Kepentingan Kajian	11
Skop dan Limitasi Kajian	12
II SOROTAN LITERATUR	13
Masyarakat Luar Bandar di Malaysia	13
Penanaman Lada Hitam di Sarawak	16
Maklumat Pertanian dan Sistem Pengembangan	18
Definisi Maklumat	18
Maklumat dan Teknologi Pertanian	20
Kaedah dan Proses Pengembangan Pertanian	27
Peranan Maklumat dalam Pembangunan Pertanian	31
Faktor Komunikasi dalam Penerimaan Maklumat	33
Saluran Media yang Digunakan	33
Penglibatan dalam Organisasi	35
Kredibiliti Sumber Maklumat	36
Perhubungan dengan Agen Perubahan	38
Ciri-Ciri Keusahawanan	40
Faktor Demografi dalam Penerimaan Maklumat	42
Penerimaan Maklumat Teknologi Pertanian oleh Petani	43
Teori Peresapan atau Difusi Inovasi	49
Proses Peresapan Inovasi dan Penerimaan Guna	50
Teori-Teori Penerimaan Maklumat	52
Teori Aksi Akal	52
Teori Merancang Tingkahlaku	53
Strategi dalam Pencarian Maklumat	54
Usaha Sendiri Mencari Maklumat (Self Seeking)	55

Maklumat diberi oleh orang lain (Self Feeding)	56
Rangka Konsep Kajian	57
III METODOLOGI	59
Rekabentuk Kajian	59
Lokasi Kajian	60
Populasi	61
Persampelan	64
Instrumen Kajian	67
Pengukuran Pembolehubah Kajian	69
Pembolehubah Bebas	69
Pembolehubah Bergantung	76
Pra-Uji	80
Pengumpulan Data	82
Penganalisaan Data	83
IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	84
Ciri Demografi Responden	84
Umur	84
Tanggungan	86
Tahap Pendidikan	86
Pengalaman dalam Penanaman Lada Hitam	86
Pendapatan	87
Pemilikan Kenderaan	88
Faktor Komunikasi	88
Media yang Dimiliki dan Kekerapan Penggunaannya	88
Penglibatan dalam Organisasi	89
Keperluan Maklumat oleh Petani	90
Kredibiliti Sumber Maklumat	92
Perhubungan dengan Agen Perubahan	95
Tahap Keperluan Responden kepada Sumber Maklumat	96
Interpersonal	
Ciri-Ciri Kesusahawanan	97
Bilangan Tiang Penanaman Lada Hitam yang Diusahakan	97
Bilangan Pekerja yang Bekerja Sehari	99
Tempoh Masa Bekerja Sehari	99
Penerimaan Maklumat	99
Perkaitan antara Penerimaan Maklumat dengan Angkubah Bebas	109
Penerimaan Maklumat dan Ciri-Ciri Demografi	109
Penerimaan Maklumat dan Faktor Komunikasi	113
Penerimaan Maklumat dan Ciri-Ciri Keusahawanan	116
Perkaitan Penerimaan Maklumat dengan Keperluan Maklumat	117
Perkaitan Penerimaan Maklumat dengan Sumber Maklumat	119

V	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	121
	Ringkasan Kajian	121
	Latarbelakang Kajian	121
	Metodologi Kajian	124
	Hasil kajian	124
	Kesimpulan	130
	Implikasi dan Cadangan	132
	Cadangan Kajian Masa Hadapan	135
	BIBLIOGRAFI	136
	LAMPIRAN	149
	BIODATA PENULIS	161

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Kependudukan Skim Penempatan Semula Asap Koyan, Belaga	63
2	Bilangan penerima dan saiz sampel terpilih mengikut jenis subsidi	65
3	Tahap kebolehpercayaan instrumen kajian	81
4	Taburan responden mengikut umur, tanggungan, tahap pendidikan, pengalaman, pendapatan dan pemilikan kenderaan (n=300)	85
5	Taburan responden mengikut saluran media yang digunakan dan kekerapan penggunaannya (n=300)	89
6	Taburan responden mengikut keanggotaan dalam persatuan/pertubuhan (n=300)	90
7	Taburan responden yang memerlukan jenis maklumat teknologi pertanian lada hitam (n=300)	91
8	Taburan tahap kredibiliti sumber maklumat oleh responden (n=300)	93
9	Taburan responden mengikut kekerapan perhubungan dengan sumber maklumat interpersonal (n=300)	95
10	Taburan tahap keperluan agen perubahan kepada sumber maklumat interpersonal (n=300)	97
11	Taburan responden mengikut ciri-ciri keusahawanan (n=300)	98
12	Taburan kekerapan penerimaan jenis maklumat teknologi pertanian daripada sumber maklumat (n=300)	101
13	Taburan kesesuaian penerimaan jenis maklumat teknologi pertanian daripada sumber maklumat (n=300)	103
14	Taburan kepentingan penerimaan jenis maklumat teknologi pertanian daripada sumber maklumat (n=300)	105
15	Taburan penerimaan jenis maklumat oleh responden (n=300)	106
16	Tahap penerimaan maklumat oleh responden mengikut keutamaan (n=300)	107

17	Perkaitan antara penerimaan maklumat dan angkubah bebas (n=300)	111
18	Perkaitan antara keperluan jenis maklumat yang diperlukan dengan penerimaan maklumat teknologi pertanian lada hitam(n=300)	118
19	Perkaitan antara kredibiliti sumber maklumat dengan penerimaan maklumat teknologi pertanian (n=300)	120

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Rangka Konseptual Kajian	58
2	Peta Menunjukkan Kedudukan Penempatan Semula Asap Koyan, Belaga	62
3	Rangka Persampelan Kajian	67



SENARAI SINGKATAN

3-T	= Tanam-Tinggal-Tuai
2L	= Latihan dan Lawatan
DEB	= Dasar Ekonomi Baru
FAMA	= Federal Agricultural Marketing Authority
FELCRA	= Lembaga Penyatuan dan Pemulihian Tanah Persekutuan
GSM	= Gerakan Desa Wawasan
HEP	= Hydroelectric Project
JARING	= Joint Advanced Research Integrated NetworkinG project
JKKK	= Jawatankuasa Kemajuan Kampung
JPLH	= Jemaah Pemasaran Lada Hitam
KDNK	= Keluaran Dalam Negeri Kasar
MADA	= Muda Agricultural Development Authority
MARDI	= Malaysian Agricultural Research and Development Institute
MIMOS	= Malaysian Institute of Mircoelectronic Systems
NCR	= Native Customary Right
OHP	= Overhead Projector
PPPB	= Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu
PSA	= Pengetahuan, Sikap dan Amalan
PSAKB	= Penempatan Asap Koyan Belaga
PGK	= Pendapatan Garis Kemiskinan
RISDA	= Rubber Industry Smallholder Development Authority
RMK9	= Rancangan Malaysia Kesembilan
RRJPD	= Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua

RRJP3	= Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga
SLCRA	= Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority
TKPM	= Taman Kekal Pengeluaran Makanan
TMK	= Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UNDP	= United Nation Development Programme
VCR	= Video Cassette Recorder

BAB I

PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan senario pengembangan pertanian di Malaysia, pertanian di Sarawak, kenyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan limitasi kajian.

Latarbelakang Kajian

Bidang pengembangan merupakan suatu proses dan kaedah yang digunakan oleh beberapa agensi pembangunan dalam melaksanakan usaha pembangunan yang berterusan termasuk dalam pembangunan pertanian. Fokus kerja pengembangan yang wujud di negara ini adalah lebih tertumpu kepada perkhidmatan dengan memberi nasihat yang dijalankan kepada petani secara individu dan berkelompok untuk mempertingkatkan produktiviti pertanian melalui amalan pertanian yang baik.

Tugas dan aktiviti pengembangan mempunyai skop dan pengertian yang luas, terutamanya dalam bidang komunikasi yang berkaitan dengan penyebaran maklumat dan memberi pendidikan yang tidak formal untuk faedah golongan sasaran. Begitu juga, istilah kerja pengembangan berbeza mengikut masa dan tempat iaitu ia boleh membawa maksud kerja pengembangan pada sepanjang tempoh evolusi pengembangan ialah khidmat nasihat, pengajaran pertanian, pengembangan pertanian, penyebaran maklumat pertanian, pendidikan dewasa dan pendidikan tidak formal (Maimunah Ismail, 1999).

Malaysia telah dikenalpasti oleh Bank Dunia sebagai sebuah kuasa ekonomi yang berjaya di rantau Asia. Namun begitu, masyarakat petani, penternak dan nelayan masih merupakan golongan majoriti yang dikategorikan berada pada paras kemiskinan. Mereka belum mengecapi erti kemerdekaan ekonomi sebenar kerana kebanyakan petani terlibat dengan aktiviti pertanian yang merupakan penyumbang kepada makanan harian dan sumber pendapatan utama mereka (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2004).

Menurut Ailin Ton dan Ahmad Ezanee Mansor (2000), masyarakat dunia sekarang termasuk kawasan luar bandar sedang menempuh era maklumat dan media massa telah pun menjadi suatu keperluan termasuk semua alat dan perisian komputer yang canggih dan berteknologi tinggi. Ini jelas dengan hanya sebuah komputer, satu modem dan talian dengan JARING melalui MIMOS, pengguna dapat menjelajah pangkalan data di segenap ceruk dunia melalui jaringan internet. Namun masyarakat di luar bandar masih terus terpinggir dalam penerimaan maklumat terutamanya dalam teknologi pertanian yang menyebabkan masih dijajahi sistem pertanian tradisional.

Semua negara di dunia bergantung kepada sektor pertanian kerana peranan utamanya menyediakan makanan untuk keperluan negara atau untuk tujuan mengeksport. Di Malaysia, sektor pertanian tetap cerah dan terus dipergiatkan. Sejajar dengan perkembangan positif ini, sektor pembuatan dan perkilangan yang juga penyumbang terbesar ekonomi negara masih bergantung kepada sektor pertanian yang berperanan membekalkan input pertanian bagi membolehkan kilang dan jentera terus beroperasi

(Mohd. Rosli Abdul Aziz, 2005). Oleh itu, sektor pertanian tidak boleh diabaikan kerana ia membekalkan bahan mentah yang diperlukan oleh sektor perkilangan.

Hasil Bancian Pertanian pada tahun 2005 menunjukkan golongan yang banyak terlibat dalam sektor pertanian di Malaysia ialah etnik Melayu dengan 60.2 peratus diikuti bumiputra lain iaitu 30 peratus, Cina dan India masing-masing dengan 7.7 peratus dan 0.7 peratus dan lain-lain 1.4 peratus. Pada keseluruhannya bilangan yang mengusahakan pertanian utama dan sampingan, menunjukkan negeri Sarawak merupakan yang paling tinggi menjalankan aktiviti pertanian dengan jumlah 99,345 orang diikuti negeri Kelantan 64,783 orang dan negeri Kedah 61,386 orang. Ini menunjukkan sektor pertanian merupakan aktiviti utama di negeri Sarawak sesuai dengan keluasan tanahnya.

Pertanian Di Sarawak

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia dengan keluasan 124,450 km persegi dan diduduki oleh 28 etnik yang berbeza agama, bahasa dan budaya. Etnik yang terbanyak ialah Iban diikuti Cina, Melayu, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kajang, Penan, Melanau dan kaum minoriti lain. Dianggarkan jumlah keluasan tanah pertanian di negeri Sarawak pada tahun 2004 ialah 933,466 hektar di mana kelapa sawit 54.5 peratus, getah 16.8 peratus, padi bukit 13.5 peratus, rumbia 7.6 peratus, lada hitam 1.4 peratus, koko 0.5 peratus, kelapa 2.6 peratus, buah-buahan 3.6 peratus dan sayur-sayuran 0.3 peratus. Bagi nilai hasil eksport pertanian didapati kelapa sawit menyumbang nilai yang paling tinggi iaitu RM1.944 billion diikuti hasil

pertanian lain RM156.498 juta, ternakan udang RM147.077 juta, lada hitam sebanyak RM116.198 juta, getah RM104.153 juta, perikanan RM69.121 juta, rumbia RM37.020 juta, koko RM10.848 juta, kelapa RM10.134 juta dan ternakan RM8.435 juta (Department of Statistic, 2004).

Walaupun negeri Sarawak mempunyai keluasan tanah yang luas, namun di sesetengah kawasan kemudahan jalanraya sebagai penghubung yang lebih efektif untuk tujuan pemasaran hasil pertanian langsung tidak ada. Kebanyakan penghubung bagi tempat itu ialah melalui sungai dan jika berlakunya air surut, bot-bot tidak dapat digunakan. Di samping itu kebanyakan penduduknya bekerja sebagai petani (padi bukit, lada hitam, getah, koko dan mengumpul hasil-hasil hutan) atau menangkap ikan di sungai dan di persisiran pantai (Ahmad Mahdzan Ayob, 1997). Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerajaan memperuntukkan RM1.8 billion untuk membina jalan di negeri Sarawak bagi meningkatkan ekonomi penduduk di kawasan terpencil (Utusan Malaysia Online, 2006).

Kegiatan pertanian di negeri Sarawak sejak kebelakangan ini telah mengalami kekurangan tenaga manusia untuk meneruskan kerja-kerja di dalam bidang pertanian terutamanya di kawasan luar bandar. Ini kerana kebanyakan golongan muda lebih suka untuk bekerja makan gaji sebagai buruh pelabuhan dan pembinaan, bekerja di pelantar minyak, buruh di kem-kem balak yang mendatangkan pendapatan yang lumayan. Manakala bagi golongan yang berpendidikan tinggi pula akan terus mencari pekerjaan sesuai dengan kelayakan mereka di bandar sebagai pegawai dengan kerajaan atau swasta dan mereka juga tidak akan terlibat dalam aktiviti pertanian di luar bandar (Ahmad Mahdzan Ayob, 1997).

Kajian yang telah dilakukan di beberapa kampung di pedalaman Serian, Sarawak mendapati 43 peratus ketua keluarga tidak pemah bersekolah dan di sebuah Penempatan Semula Nanga Ngungun hanya 37 peratus ketua keluarga pernah bersekolah (bererti 63 peratus tidak pernah bersekolah) (Ahmad Mahdzan Ayop et al., 1990a). Berdasarkan kajian ini golongan yang tidak bersekolah merupakan penanam padi bukit yang aktif dan mereka ini adalah merupakan golongan yang termiskin kerana mereka mengamalkan pertanian pindah.

Oleh kerana kurangnya asas pertanian moden maka penghasilan hasil pertanian mereka sangat rendah kerana sistem “3-T” (“tanam-tinggal-tuai”) yang digunakan melibatkan penjagaan minimum. Selain itu kebanyakan kaum Dayak di negeri Sarawak menganggap penanaman padi bulit adalah suatu budaya turun-temurun dan mereka tidak biasa dengan beras dari luar menyebabkan mereka jadikan sistem pertanian ini sebagai amalan mereka (Ahmad Mahdzan Ayob, 1997).

Di Sarawak tanah adat peribumi (Native Cusomary Right) dimiliki oleh sepuluh buah keluarga atau lebih secara bersama maka keadaan ini menyulitkan penggunaan tanah untuk pertanian dan pembangunan (Ngidang, 2002) dan keadaan ini wujud sebelum Sarawak diperintah oleh Sultan Brunei (Ngidang, 2005). Oleh itu, kerajaan negeri Sarawak telah menubuhkan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority) pada tahun 1976 bagi menyelesaikan masalah seperti ini.

Pada tahun 1960 hingga 1980 pihak kerajaan berusaha untuk memperbaiki produktiviti di kalangan pekebun kecil. Hasilnya, usaha menukar penggunaan tanah